

15/11/2001

Dr M yakin MCA mampu selesai masalah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa MCA mampu menyelesaikan pergolakan dalamannya tanpa membiarkan isu itu berlanjutan.

"Saya nampak mereka datang ke sini. Mereka semua adalah orang yang baik-baik. Saya tidak nampak mereka tidak bersalam," katanya selepas menghadiri majlis rumah terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, di sini.

Wartawan bertanya isu itu kepada Perdana Menteri selepas menyaksikan "peristiwa" pergeseran antara Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dengan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, makin ketara apabila kedua-duanya tidak bertegur sapa semasa menghadiri majlis rumah terbuka Samy Vellu itu.

Malah, kedua-dua pemimpin membawa rombongan masing-masing secara berasingan ke majlis itu. Apabila Ah Lek menaiki kereta untuk pulang, kira-kira 20 orang dipercayai penyokongnya kelihatan bertepuk tangan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan campur tangan masalah dalaman parti itu kerana merasakan MCA terdiri daripada kalangan ahli dan pemimpin yang berpendirian munasabah.

"Saya rasa ini adalah masalah dalaman MCA. Mereka boleh menyelesaikan masalah mereka. Saya tidak mahu memberi komen yang boleh menyinggung perasaan orang lain," katanya.

Mengenai sama ada pergolakan itu akan melemahkan sokongan masyarakat Cina terhadap Barisan Nasional (BN), beliau berkata: "Saya rasa, perkara ini tidak sepatutnya dipanjangkan. Saya pasti, mereka juga mahu menangani perkara ini."

(END)